

Malaysia perlu kerjasama kolektif laksana rancangan

UM 14 OCT 2003

PUTRAJAYA 13 Okt. — Malaysia memerlukan kerjasama kolektif daripada semua negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bagi membolehkan para pemimpin negara ini melaksanakan rancangan-rancangan yang praktikal demi melindungi kepentingan ummah.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia sedar mengenai harapan yang diberikan oleh dunia Islam terhadap negara ini bagi mengubah OIC kepada pertubuhan yang lebih berwibawa dan dihormati di peringkat dunia tetapi ia tidak boleh dilakukan secara bersendirian.

“Malaysia, secara bersendirian tidak boleh mengubah OIC kerana kita memerlukan

semangat kolektif dan kerjasama semua negara.

“Jika mereka semua memberikan sokongan yang diperlukan, insya-Allah kita akan dapat berbuat sesuatu (untuk menjadikan OIC lebih pragmatik),” katanya pada sidang akhbar pada akhir hari pertama Mesyuarat Persiapan Peringkat Menteri OIC di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini.

Agenda

Mesyuarat dua hari yang dipengerusikan oleh Syed Hamid itu akan menyediakan agenda bagi Sidang Kemuncak Ke-10 OIC yang akan berlangsung pada Khamis dan Jumaat ini, yang akan dipengerusikan oleh

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, Malaysia sebagai pengerusi OIC sepanjang tiga tahun akan datang akan memberi tumpuan kepada kegiatan yang praktikal dan boleh dilaksanakan bagi manfaat ummah secara keseluruhannya.

“Kita harus membuat keputusan yang praktikal dan boleh dilaksanakan, langkah-langkah kecil dan janganlah terlalu bercita-cita tinggi sehingga melampaui kemampuan kita.

“Buat apa yang kita boleh lakukan agar mendapat penghormatan dan kredibiliti.”

■ Lihat muka 4